

R.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACH -84 & 7
INV. NMS 26/1/2000

KEDUDUKAN HADITH DALAM KITAB JAWI:
SATU KAJIAN TERHADAP KARYA-KARYA
SYEIKH DAWUD BIN ABDALLAH AL-FATANIY

FAUZI BIN DERAMAN

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (Ph.D)
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA

1997

Perpustakaan Universiti Malaya



A509084637

Dimikrofiskan pada..... 09.04.2000

No. Mikrofis..... 14588

Jumlah Mikrofis..... 7

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI

UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

ABSTRAK

Fauzi bin Deraman. Kedudukan ḥadīth Dalam Kitab-kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-karya Syeikh Dāwūd bin Abdallah al-Faṭāniy. Tesis, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 1998.

Hadīth adalah sumber hukum Islam yang kedua selepas al-Qur'an. Fungsi dan peranannya begitu penting sekali, ia merupakan huraian dan penjelasan kepada al-Qur'an. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh para *muḥādithīn* dalam memelihara kemurnian dan ketulinan ḥadīth. Di antaranya lahir kaedah yang sistematik dalam menilai sanad dan matan ḥadīth. Bertolak dari sini, lahirlah klasifikasi ḥadīth dari aspek kekuatan dan kelemahannya.

Pengajian ḥadīth berkembang pesat di seluruh dunia Islam termasuk rantau Nusantara ini. Para ulama rantau ini telah menghasilkan karya-karya mereka dalam berbagai bidang. Karya-karya yang menggunakan tulisan jawi ini dikenali dengan "Kitab Jawi". Di antara tokoh ilmuan dan pengarang yang terkenal di rantau ini adalah Syeikh Dāwūd al-Faṭāniy. Beliau telah menghasilkan banyak karya-karya dalam berbagai bidang ilmu Islam terutamanya tauhid, syariat dan akhlak. Karya-karya beliau terus menjadi rujukan dan kajian di

kalangan umat Islam rantau ini terutama dalam sistem pengajian Islam tradisional.

Memandangkan bidang ḥadīth begitu penting diteliti, maka kajian membuat penelitian kepada “**KEDUDUKAN ḤADĪTH DALAM KITAB JAWI: SATU KAJIAN TERHADAP KARYA-KARYA SYEIKH DĀWŪD BIN ABDALLAH AL-FATĀNĪY** bagi melihat kedudukan dan pemakaianya.

Masalah-masalah yang menjadi pokok kajian ini ialah:

1. Kedudukan ḥadīth, pembahagian dan hukum berhujah dengannya.
2. Mengenali personaliti Syeikh Dāwūd al-Fatānīy, sumbangannya dalam perkembangan ilmu Islam di Nusantara.
3. Pemakaian ilmu Islam di Nusantara.

Ketiga-tiga perkara di atas memerlukan kepada data-data yang lengkap, dengan itu dalam kajian ini penulis menggunakan “Method Library Research”.

Metod-metod yang dipakai dalam tesis ini ialah metod historis dan dokumentasi

Hasil dari kajian ini penulis dapat merumuskan bahawa:

1. Kedudukan ḥadīth sebagai sumber hukum yang utama tidak pernah terjejas walaupun ada usaha-usaha untuk mengugat kedudukannya itu.
2. Sumbangan ulama Nusantara dalam perkembangan ilmu Islam sangat ketara dan tidak boleh dipandang ringan. Kitab Jawi telah memberikan sumbangan yang besar dalam pengajian Islam di rantau ini untuk zamannya.
3. Penulisan dan kajian dalam bidang ḥadīth agak terkebelakang berbanding dengan bidang-bidang yang lain, tidak setimpal dengan kedudukannya yang utama dalam Islam.
4. Syeikh Dāwūd al-Faṭāñiy adalah tokoh ulama yang banyak berjasa dan sumbangannya dalam penyebaran ilmu Islam di Alam Melayu tidak pernah dipertikaikan. Beliau banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang pengajian Islam terutama perundungan Islam, usuluddin dan tasawuf.

5. Pemakaian ḥadīth dalam karya-karya Syeikh Dāwūd al-Fatāñiy adalah sama dengan karya-karya Kitab Jawi yang lain, mendatar dan secara umum. Berkemungkinan keadaan semasa yang tidak memberi keutamaan kepada pengajian ḥadīth mempengaruhi ulama-ulama serantau.
6. Syeikh Dāwūd al-Fatāñiy dalam karya-karyanya ketika merujuk kepada ḥadīth-ḥadīth Rasulullah (s.a.w.) didapati hanya memberikan keutamaan kepada *matan* ḥadīth sahaja. Perkara-perkara lain yang berkaitan dengan hadith terutamanya seperti *isnād al-Ḥadīth* sangat terbatas, ulasan terhadap perawi pula hampir tidak disentuh, malah penilaian terhadap kesahihan atau kedaifan ḥadīth pun sangat kurang.
7. Rujukan terhadap sumber yang berautoritatif dalam karya Syeikh Dāwūd al-Fatāñiy agak meluas, tidak terbatas dalam lingkungan karya-karya *Sunan al-Sittah* sahaja tetapi dalam bentuk yang sangat sederhana.

ABSTRACT

Fauzi bin Deraman. The Position of Hadith in Kitab Jawi: A study on the works of Sheikh Dāwūd Bin Abdallah al-Faṭāñiy. Tesis, Kuala Lumpur. Academy of Islamic Studies University of Malaya 1998.

Hadith comes second after al-Quran as the source of Islamic Law - the role of hadith is to explicate al-Quran. Various efforts have been undertaken by *muhadithin* to ensure the purity and authencity of hadiths and this has resulted in the development of methods in evaluating the *sanad* and text of hadiths. Consequently, hadiths are classified in terms of their strength and weaknesses.

The studies of hadiths have developed and attracts scholars around the world including Southeast Asia. Ulamas of Southeast Asia studied hadiths and produced works in various areas. Those written in jawi transcript are known as 'Kitab Jawi' (i.e. book in written jawi). Among the scholars well known in the endeavour was Sheikh Dāwūd al-Faṭāñiy who had contributed works mainly in tawhīd, shariat and akhlak. His works have been sources of reference by Muslims of the region especially those in the traditional system of Islamic education.

Since ḥadīth has played significant role in these works, the current study "The Position of ḥadīth in Kitab Jawi: A study on the works of Sheikh Dāwūd Bin Abdallah al-Fatāniy" has been undertaken to probe their position and use.

The main thrusts of the study are:

1. The position of ḥadīths, categories and validity in argument.
2. The personality of Sheikh Dāwūd al-Fatāniy, his contribution to the development of studies of Islam in Southeast Asia.
3. The use of ḥadīth in the works of Sheikh Dawud al-Fataniy.

To elaborate the questions, data were collected by the use of historical and documentation methods.

The findings can briefly stated as follow:

1. The position of ḥadīth as one of the main sources of Islamic Law has never been tarnished although there were attempts to do so.
2. The contribution of the ulamas of Southeast Asia to the development to Islam was significant. Kitab Jawi had contributed significantly to the studies of Islam in the region in the period.

3. The writing and studies of ḥadīth is lacking behind compared to other areas despite the fact it is one the main sources of Islam.
4. Sheikh Dāwūd al-Fatāniy has made great contribution to the development of Islamic disciplines in the Malay Archipelago and this has never been disputed. His contribution covers the disciplines of Islamic Law, Usuluddin dan Tasawuf.
5. The use of ḥadīth in the works of Sheikh Dāwūd al-Fatāniy seems to correspond to that of other Kitab Jawi, superficial and lacking of focus. The reason berhind it could be the lacking of emphasis on ḥadīth in the study of Islam during his time.
6. When refering to a ḥadīth, Sheikh Dāwūd al-Fatāniy only mentioned its *matan* or text with little importance given to its line of narrators, more less on the individual narrators, more less on the individual narrator. The classification of a ḥadīth as strong or weak was never being seriously mentioned.
7. Sheikh Dāwūd al-Fatāniy made extensive references- to authoritative sources in his works, not merely to *Sunan al-Sittah*, but never indepth.

PENGHARGAAN

Sebanyak-banyak syukur dilafazkan kepada Allah (s.w.t) kerana dengan izin dan taufiq dariNya telah memungkinkan tesis ini dapat diselesaikan. Selawat dan salam diaturkan kepada junjungan Rasulullah (s.a.w), keluarga baginda, para sahabat, tabi'in dan setiap orang yang mengikut mereka sehingga Hari Qiamat.

Ucapan terima kasih dan penghargaan pertama-tamanya ditujukan kepada penyelia tesis ini, Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah. Segala teguran, tunjuk ajar, usaha dan masa yang diberikan oleh beliau sepanjang tesis ini disiapkan merupakan suatu yang tidak ternilai. Malah tanpa itu semua tesis ini tidak akan wujud seperti seadanya.

Terima kasih juga ditujukan kepada pihak Universiti Malaya amnya dan Bahagian Pengajian Usuluddin khususnya di atas segala kerjasama dan sumbangan sehingga kajian ini dapat disiapkan.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih dan penghargaan diajukan kepada Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Kelantan,

Perpustakaan Awam Islam dan Muzium Islam Malaysia, Pusat Islam,
Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Pusat Manuskrip Melayu,
Perpustakaan Negara Malaysia di atas segala kerjasama, khidmat baik
dan bantuan yang diberikan sepanjang kajian ini.

Terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat
samada langsung atau tidak langsung dalam penyediaan tesis ini.

Segala sumbangan dan khidmat yang diberikan dalam apa
bentuk sekalipun, didoakan mendapat ganjaran yang sewajarnya dari
Allah (s.w.t).

Semuga tesis ini menjadi satu sumbangan yang tidak seperti
di persada ilmu dan merupakan saham dalam pengajian hadith di
tanahair khususnya dan di rantau ~~ini~~ amnya.

DIDIKASI

*Ingatan abadi untuk kedua ibu bapa yang dikasihi;
Deraman bin Haji Salleh dan
Selamah bte Haji Ali yang tidak jemu-jemu menabur jasa.*

Untuk isteri dan anak-anak yang tercinta yang merupakan pendorong serta perangsang dalam setiap gerak usaha:

Siti Radziah bte Haji Mat Amin

Nurul Huda

Nurul Imani

Nurul Hanani

Yasir al-Majdy

Nur Aisyah Khalidah

Mohd Munzir al-Majdy

Nur Amalina.

KATA PENGANTAR

Sebanyak-banyak syukur dilafazkan kepada Allah kerana dengan izin dan tawfiq dariNya telah memungkin tesis ini disiapkan juga dalam keadaan serba kekurangan.

Dikalangan pencinta ilmu Islam di rantau Asia Tenggara ini, kitab Jawi bukanlah suatu yang asing. Ia telah lama dipelajari dan telaah, baik di Institusi pendidikan Islam tradisional seperti pondok pasentren, maupun di majlis-majlis pengajian dan halaqat yang diadakan di masjid, surau dan lain-lain.

Karya-karya yang dihasilkan oleh ulama-ulama Nusantara khususnya menjadi pilihan dan tumpuan penuntut-penuntut yang mempelajari pelbagai ilmu Islam. Ajaran-ajaran yang didapati dari kitab-kitab tersebut menjadi pegangan umat Islam rantau ini sudah sekian lama.

Di antara ulama dan pengarang yang banyak menghasilkan karya yang diterbitkan dalam bahasa Melayu tulisan jawi atau lebih dikenali sebagai "kitab Jawi" adalah Syeikh Dāwūd bin Abadallah al-

Fatāni. Beliau menulis dalam pelbagai bidang, terutamanya usuluddin (aqidah), syariat dan akhlak (tasawwuf).

Aspek asas yang difokuskan dalam kajian ini adalah hadith memandangkan kedudukannya sebagai sumber hukum dan pegangan yang terpenting selepas al-Qur'ān, namun begitu kajian ini hanya memberikan keutamaan kepada status, pemakaian dan aspek kelemahan dan kekuatan hadith tersebut sahaja bukan semua aspek pengajian hadith.

Penulis memilih kitab jawi sebagai subjek kajian kerana ia merupakan bahan pengajian dan pegangan masyarakat Islam dan hadith pula kerana kedudukannya dalam Islam malah seluruh kehidupan kita mestilah berlandaskan kepadanya di samping al-Qur'ān.

Tidak dinafikan di sepanjang kajian ada masalahnya terutamanya untuk mengetahui latar belakang tokoh yang dijadikan sampel dalam kajian ini, dimana tidak banyak bahan dan dokumen yang dihasilkan mengenainya. Penulis berusaha mengumpulkan sebanyak mungkin bahan-bahan mengenainya terutama yang bercetak dan ditokok tambah dengan bahan-bahan lain.

Oleh kerana kajian ini merupakan kajian perpustakaan, penulis telah menggunakan kemudahan-kemudahan perpustakaan, samada yang terdapat di Universiti Malaya atau di luar Universiti Malaya.

Di segi susunan kajian pula, penulis telah menyusun kajian ini kepada lima bab.

Bab pertama penulis membincangkan perkembangan penulisan kitab jawi di Nusantara diawalnya dan dimuatkan juga metodologi kajian, tujuan kajian dan rumusan masalah.

Bab kedua pula mengenai ḥadīth, kedudukan, peranan serta pembahagiannya.

Bab ketiga pula mengenai latar belakang Syeikh Dāwūd al-Fatāni, riwayat hidup, pendidikan dan karya-karya beliau.

Bab keempat merupakan analisis penulis terhadap ḥadīth-ḥadīth yang dimuatkan dalam karya-karya Syeikh Dāwūd di mana beberapa karya beliau dipilih sebagai sampel kajian.

Bab kelima merupakan kesimpulan kajian dan saranan penulis yang merupakan penutup kepada kajian ini.

Penulis sesungguhnya amat sedar yang terdapat banyak kekuatan dan kelemahan dalam kajian ini. Dengan itu penulis bersedia menerima pandangan dan teguran serta tunjuk ajar demi kebaikan dan melengkapkan kajian ini.

Penulis mengharapkan kajian ini sebagai penerokaan awal kepada kitab-kitab Jawi dan akan disusuli dengan kajian-kajian lain. Penulis juga mengharapkan kajian ini sebagai segelumit sumbangan dalam khazanah ilmu dan ada manfaatnya.

JADUAL TRANLITERASI

ء	‘
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	z
ع	‘

خ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	i/y
ا	a

Vokal pendek:

a	—
i	—
u	,

Vokal panjang:

ā	—
ī	—
ū	,

Diftong:

ay  

aw  

Diftong:

ay _____

aw _____

Tanwin:

an 

in 

un 

Manakala terjemahan ayat-ayat al-Qur'an di dalam tesis ini berdasarkan kepada terjemahan Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeh, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri melainkan disetengah-setengah tempat diringkaskan mengikut kesesuaian ayat.

KEPENDEKAN

(s.a.w)	Salla'Lahu `alayhi wa Sallam
(S.W.T)	Subhanahu wa Ta'ala
r.a	RadialLahu anhu/anhya
a.s	`Alayh al-Salam
k.w.j	Karrama Allah Wajhah
t.t	tanpa tarikh
hal.	halaman
edit	edited
ibid	pada tempat yang sama
op.cit	in the work cited
H	Hijrah
M	Masihi

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	viii
DIDIKASI	x
KATA PENGANTAR	xi
JADUAL TRANLITERASI	xv
KEPENDEKAN	xviii
ISI KANDUNGAN	xix

BAB I: PENDAHULUAN

1.1	Perkembangan Penulisan Kitab-kitab Jawi di Nusantara	1
1.2	Pengertian tajuk dan rumusan masalah	51
1.3	Tujuan penulisan	66
1.4	Metcdologi	68

BAB II: HADITH SEBAGAI SUMBER HUKUM

2.1	Kedudukan hadith dalam Islam	91
2.1.1	Hadith adalah wahyu	124

2.1.2 Hubungan Hadīth dengan al-Qur'an	136
2.2 Klasifikasi hadīth	171
2.2.1 Hadīth yang diterima	177
Hadīth Mutawātir	183
Hadīth Masyhūr	188
Hadīth Sahīh	195
Hadīth Ḥasan	
206	
Hadīth 'Azīz	216
Hadīth Gharib	220
2.2.2 Hadīth ditolak	224
Definisi hadīth ḏa'īf	224
Hukum meriwayatkan hadīth ḏa'īf	227
Beramal dengan hadīth ḏa'īf	223
Pembahagian hadīth ḏa'īf	240
2.2.2.1 Jenis-jenis hadīth ḏa'īf disebabkan terputus sanad	241
Hadīth munqati'	241
Hadīth Muadal	244
Hadīth Mursal	246
Hadīth Muallaq	259
Hadīth Mudallas	266
2.2.2.2 Hadīth ḏa'īf kerana perawi dipertikaikan	272
Hadīth māwdu'	273
Hadīth matruk	294
Hadīth munkar	297
Hadīth munraj	300
Hadīth maqlūb	310
Hadīth muttarib	315

BAB III: SYEIKH DAWUD BIN ABDALLAH AL-FATANIY

Sejarah hidup	353
Kelahiran	356
Pendidikan awal	360
Guru-gurunya	364
Karya-karya Syeikh Dāwūd al-Fatāniy	366

BAB IV: HADITH DALAM KARYA SYEIKH DAWUD AL-FATANIY

4.1 Sejauhmana Penglibatan Syeikh Dāwūd bin Abdallah al-Fatāniy dalam bidang ḥadīth	420
4.2 Pemakaian Hadīth dalam karya-karya Syeikh Dāwūd al-Fatāniy	424
4.2.1 Kasf al-Ghummah dan pemakaian ḥadīth di dalamnya	425
4.2.2 Hadīth dalam Kasyf al-Ghummah	431
4.3 Arba'īn Syeikh Dāwūd al-Fatāniy	464
4.4 ḥadīth-ḥadīth dalam karya Syeikh Dāwūd al-Fatāniy yang lain	493
4.4.1 Kitab Idāh al-Bāb	493
4.4.2 ḥadīth-ḥadīth dalam Bughyāt al-Tullāb	502
4.4.3 ḥadīth-ḥadīth dalam Munyat al-Musalli	534
4.4.4 ḥadīth dalam Ghayat al-Taqrīb	539

4.4.4 Hadīth dalam Ghāyat al-Taqrib	539
4.4.5 Ḥadīth-ḥadīth dalam al-Durr al-Thamīn	540
;	
BAB V: PENUTUP	560
BIBLIOGRAFI	570